



**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION**

Rujukan : **UKM.KPD.ODL.600-4/2/2**

Tarikh: 13 Mac 2026

Semua Pelajar ODL

Semester 2, Sesi Akademik 2025-2026

Tuan/Puan

PEMAKLUMAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP) – SEMESTER 2, SESI AKADEMIK 2025-2026 (JANUARI 2026).

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Minggu Peperiksaan dan Penilaian Akhir bagi Program *Open and Distance Learning* (ODL), Semester 2 Sesi Akademik 2025-2026 (Januari 2026) akan bermula pada **6 April 2026 Ogos – 12 April 2026**. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi setiap kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) boleh dicetak melalui **SMPE** mulai **23 Mac 2025**. Jadual Peperiksaan di laman sesawang ODL dan VIP di bahagian Maklumat Pelajar Semasa - Peperiksaan. Tuan/Puan juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Tindakan ini terpakai untuk pelajar yang terlibat dengan peperiksaan akhir sahaja.

Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Tuan/Puan melanggar peraturan peperiksaan yang dinyatakan di dalam Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan.

Kerjasama dan perhatian pelajar berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak kami di talian 03-8927 2120/010-807 0049 atau emelkan kepada akademik.odl@ukm.edu.my.

Yang menjalankan tugas,

ARDILLA MUHAMMAD ASRI

Penolong Pendaftar

Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Program ODL UKM
UKMShape, Universiti Kebangsaan Malaysia

sk :

- Penyelaras Program ODL



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL (UKMSHAPE)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: +603-8927 2120 E-mel: odl@ukm.edu.my Web: www.ukmodl.com